

**Jenis Akhbar** : Bernama Online  
**Tarikh** : 14/11/2020  
**Edisi / Muka Surat** : [www.bernama.com](http://www.bernama.com)  
**Tajuk** : *Angkasa perkukuh kerjasama strategik koperasi di rantau Asia Pasifik*

## **Angkasa perkukuh kerjasama strategik koperasi di rantau Asia Pasifik**



**Datuk Abdul Fattah Abdullah**

14/11/2020 04.06 PM

KUALA LUMPUR, 14 Nov -- Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Bhd (Angkasa) terus memperkukuh kerjasama strategik dengan koperasi di rantau Asia Pasifik bagi memastikan gerakan koperasi mendapat manfaat dalam pelbagai aspek serta pembangunan sektor tersebut di negara ini.

Presidennya Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata hal tersebut antara perkara utama yang dinyatakan Angkasa ketika mewakili Malaysia bersama 60 pemimpin koperasi pada sesi maya sambutan ke-60 Ikatan Koperasi Antarabangsa Asia Pasifik (ICA-AP).

"Angkasa dan anggota koperasi di seluruh negara menerima pelbagai manfaat dalam bentuk latihan, bengkel dan persidangan antarabangsa yang dianjurkan oleh ICA-AP seperti dalam bidang pertanian, kursus pengurusan runcit, forum belia dan pembangunan wanita," menurutnya dalam satu kenyataan.

Katanya ICA-AP merupakan platform bagi membina hubungan, bertukar pendapat, memperkasa pengetahuan serta mengatur strategi dalam memastikan koperasi mencapai matlamatnya sebagai ejen memakmurkan sosioekonomi negara dan masyarakat dengan berkesan.

Angkasa komited memainkan peranannya sebagai badan koperasi diiktiraf oleh kerajaan dalam membina hubungan strategik bersama koperasi di peringkat global bagi memperkasa 14,625 buah koperasi di negara ini dengan keahlian 6.1 juta orang.

-- BERNAMA